

Headline **Rentas 4 negara**  
Date **31 Jul 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **40**  
Article Size **214 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,154**  
PRValue **18,461**



# Rentas 4 negara

## Lapan warga Itali tunggang motosikal Modenas pungut dana

**Faizatul Farlin**  
**Farush Khan**

**S**HAH ALAM: Kesedaran membantu kanak-kanak penghidap HIV/Aids dan keluarga mereka yang terjejas akibat virus itu mendorong pengeluar motosikal tempatan, Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) menganjurkan konvoi bermotosikal merentasi empat negara Asia Tenggara, 'Did I Miss Saigon? Charity Ride 2010'.

Ketua Jualan dan Pemasaran Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos), Steve Chee Weng Hoong berkata, konvoi 4,000 kilometer (km) berkenaan merentasi Malaysia, Thailand, Kemboja dan Vietnam dalam usahanya mengumpul dana bagi disalurkan kepada pertubuhan yang membantu kanak-kanak penghidap HIV dan Aids, New Hope For Cambodian



**KAMI SEDIA ...tujuh penunggang motosikal dari Itali yang mengambil bahagian dalam konvoi bagi mengumpul dana.**

Children (NHCC).

Beliau berkata, dana berkenaan bakal digunakan bagi menyediakan pelbagai kemudahan kepada penerima bantuan antaranya pendidikan mengenai nutrisi, sosial, subsidi makanan, pengangkutan percuma untuk ke pusat rawatan serta pakaian seragam sekolah.

"Konvoi ini dijayakan lapan warga Itali terdiri daripada pelbagai profesion antaranya ahli farmasi, pekerja litar

lumba F1, bidang pengiklanan dan pengusaha restoran yang datang ke Modenas membawa niat mendapatkan kerjasama kita bagi menaja motosikal Modenas untuk dibawa dalam konvoi itu.

"Selepas mendapati usul dibawakan menarik, kami menaja lapan motosikal Modenas jenis moped, tujuh model GT128 dan satu model CT110 untuk digunakan sepanjang konvoi itu," katanya pada majlis pelepasan konvoi

berkenaan, di sini, semalam.

Chee berkata, secara tidak langsung konvoi itu menjadi bukti yang mampu menunjukkan bahawa motosikal keluaran tempatan mempunyai kualiti tinggi, boleh bergerak jauh seterusnya bersaing di pasaran antarabangsa.

Sementara itu, ketua konvoi yang juga pengusaha restoran makanan Itali, Dino Pozatto berkata, idea berkenaan tercetus sejak beliau aktif dengan kerja amal.